

## **Kursus Penyuntingan Video Menggunakan Capcut Anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang**

**KUANTAN, 26 OKTOBER 2023** – Bahagian Teknologi Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang telah berjaya menganjurkan **Kursus Penyuntingan Video Menggunakan Capcut** pada 26 hingga 27 Oktober 2023 bertempat di Bilik Latihan, Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang.

Kursus ini melibatkan seramai 26 peserta yang terdiri daripada kakitangan Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang dan Jabatan Negeri di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang. Kursus ini diadakan bagi mengembangkan potensi dan bakat penyuntingan video untuk menghasilkan persembahan video klip yang menarik dengan menggunakan template yang tersedia dalam aplikasi *capcut* dalam masa yang pantas.

Menerusi kursus ini, peserta didedahkan dengan teknik asas *shooting*, penghasilan video menggunakan *capcut* dan perkongsian tips yang dapat dimanfaatkan oleh peserta dalam memenuhi keperluan kerja seharian dengan menghasilkan klip video yang profesional.

Pihak penganjur telah menjemput pegawai daripada Pejabat Daerah dan Tanah Pekan iaitu Encik Ahmad Ridzwan bin Mahmud selaku penceramah kursus, dua (2) orang fasilitator yang dijemput daripada Pejabat Daerah dan Tanah Rompin dan juga Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pahang.

Beliau turut sama berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam menghasilkan video menggunakan teknik yang mudah dan pantas. Sambutan peserta adalah sangat baik dan menunjukkan kesungguhan serta minat yang tinggi dalam mempelajari setiap teknik yang dikongsi. Diharapkan agar semua peserta dapat menggunakan kemahiran ini dalam menghasilkan penyuntingan video yang boleh diaplikasikan dalam melaksanakan tugas yang berkaitan.

**#MajuTerusPahang**

**#Pahang1st**

**#KerajaanNegeriPahang**

**#PahangGo**

**Oleh: Bahagian Teknologi Maklumat, Wisma Sri Pahang**

**Foto: Sumber BTM**

(LIPUTAN BERGAMBAR)



